

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	02 APRIL 2017

# Debat Dr. Mahathir-Nazri batal

UM- 2/4/2017

**KUALA LUMPUR 1 April** - Debat antara bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz yang dijadualkan 7 April ini dibatalkan susulan pembatalan permit kebenaran oleh pihak polis hari ini.

Pengarah Urusan Kumpulan Media Karangkrak, Datuk Hussamuddin Yaacob berkata, pembatalan itu dibuat selepas pihaknya menerima surat daripada Ketua Polis Daerah Shah Alam, Asisten Komisisioner Shafien Mamat petang ini.

Menurutnya, surat itu me-



**TUN MAHATHIR  
MOHAMAD**



**MOHAMED NAZRI  
ABDUL AZIZ**

maklumkan pembatalan permit yang dikeluarkan kepada *Sinar Harian* sebagai penganjur sebelum ini.

“Saya memohon maaf kepada semua pembaca *Sinar Harian*,

Dr. Mahathir dan Mohamed Nazri. Alasan yang diberikan adalah bantahan penduduk dari sekitar kawasan tersebut dan setelah dikaji dan ditimbang dari segi ketenteraman awam dengan ini kelulusan permit himpunan aman dibatalkan,” katanya.

Mohamed Nazri sebelum ini menyahut cabaran Dr. Mahathir yang juga Pengerusi Parti Peribumi Bersatu Malaysia (PPBM) untuk berdebat mengenai isu 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dan skandal Bumiputera Malaysia Finance (BMF).